


PERBELANJAAN KERAJAAN DAN PERTUMBUHAN  
EKONOMI DI NEGERI SABAH



ROSLAN HJ. GIMBA

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2013

PERBELANJAAN KERAJAAN DAN PERTUMBUHAN  
EKONOMI DI NEGERI SABAH

ROSLAN HJ. GIMBA



UMS

THESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT  
BAGI SARJANA EKONOMI

SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2013

### UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

#### BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_

IJAZAH : \_\_\_\_\_

SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENULIS)

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

TARIKH: \_\_\_\_\_

**Catatan:**

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).


## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 April 2013

---

Roslan Hj. Gimba  
PS2009-8164



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PERAKUAN


NAMA : **ROSLAN HJ. GIMBA**  
NO. MATRIK : **PS2009-8164**  
TAJUK : **PERBELANJAAN KERAJAAN DAN PERTUMBUHAN  
EKONOMI DI NEGERI SABAH**  
DEGREE : **SARJANA EKONOMI  
(PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN)**  
TARIKH VIVA : **21 JANUARI 2013**

## DIPERAKUKAN OLEH

### 1. PENYELIA

Tandatangan

Profesor Madya Dr. Wong Hock Tsen



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

:

## PENGHARGAAN

Saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia tesis saya Prof. Madya Dr. Wong Hock Tsen di atas tunjuk ajar, sokongan dan cadangan penambahbaikan membina beliau sepanjang pengajian saya. Terima kasih tidak terhingga kepada En. Mori Kogid di atas segala bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan. Prof. Dr. Abd. Ghafar Ismail (UKM), Prof. Madya Dr. Remali Yusoff, Prof. Madya Dr. Baharom Mohamad, Profesor Madya Dr. Yokinori Mukai, Dr. Caroline Geeha a/p B. Arokiadasan, En. Ahmad Mosfi Bin Mahmood dan En. Mohd Safri Saiman di atas komen dan pandangan membina. Dr. Geoffery Tanakinjal dan Dr. Raman Nordin di atas pandangan dan galakan. Seterusnya Pn. Dores dari Jabatan Perangkaan Malaysia cawangan Sabah kerana sentiasa membantu menyediakan data yang diperlukan untuk kajian ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi –tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Hjh. Arsiah Hj. Bahron selaku Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, UMS.

Akhir sekali setulus penghargaan istimewa untuk kedua ibu bapa yang sentiasa mencurahkan kasih sayang. Isteri dan anak-anak yang sentiasa sabar menemani perjalanan hidup ini. Seterusnya seluruh ahli keluarga yang sentiasa menyokong dan memberikan semangat sehinggalah tesis ini berjaya disiapkan. Tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat Prof Madya Dr. Ismail Ali, Musnin Mattersah, Suprianto Mohd Noor, Kamisah Husin dan Faddili Kasin di atas keprihatinan dan semangat yang diberikan.

Roslan Hj. Gimba

22 February 2013

## **ABSTRAK**

### **PERBELANJAAN KERAJAAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI DI NEGERI SABAH**

Kajian ini menguji hukum Wagner dan Keynesian tentang hubungan di antara perbelanjaan kerajaan dengan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah, Malaysia dalam tempoh 1987 sehingga 2008. Tidak seperti kajian-kajian sebelum ini yang hanya menguji hubungan di peringkat nasional dan antarabangsa, kajian ini memberi tumpuan di peringkat negeri Sabah, salah sebuah negeri di Malaysia. Hasil ujian empirikal melalui pendekatan ujian persempadanan (ARDL) yang disarankan oleh Pesaran *et al.* (2001) bagi ujian kointegrasi menunjukkan bukti wujud hubungan kointegrasi jangka panjang di antara pertumbuhan ekonomi dengan Perbelanjaan Agregat dan semua Perbelanjaan Disagregat kecuali bagi Perbelanjaan Disagregat Operasi Jabatan Ketua Menteri. Hasil keputusan ujian sebab penyebab Granger mendapati Perbelanjaan Agregat dan lima (5) komponen Perbelanjaan Disagregat berhubungan dua hala dengan Pertumbuhan Ekonomi. Wujud hubungan sehalu dari Pertumbuhan Ekonomi kepada Perbelanjaan Disagregat Pembangunan dan Perbelanjaan Disagregat Operasi yang memihak kepada hukum Wagner. Wujud hubungan sehalu dari Perbelanjaan Disagregat Jabatan Ketua Menteri kepada Pertumbuhan Ekonomi yang memihak kepada Keynesian. Perbelanjaan Disagregat Operasi Pentadbiran Daerah dan Perbelanjaan Disagregat Perkhidmatan Am Perbendaharaan tidak mempunyai sebarang hubungan sebab penyebab dengan Pertumbuhan Ekonomi. Bukti empirikal menunjukkan perbelanjaan kerajaan adalah instrumen yang sangat penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Justeru, kajian ini menyarankan supaya sumber pendapatan kerajaan negeri ditingkatkan bagi membiayai perbelanjaan terutama komponen perbelanjaan yang produktif. Pihak kerajaan persekutuan juga disarankan supaya meningkatkan peruntukan pembangunan kepada negeri Sabah. Pihak kerajaan hendaklah menumpukan kepada usaha untuk memperkukuhkan infrastruktur asas bagi mempercepatkan proses transformasi ekonomi negeri Sabah yang memfokus kepada sektor perindustrian, pertanian, pelancongan dan logistik.

## **ABSTRACT**

*This research is investigates the Wagner Law and Keynesian view concerning on the link between public expenditures and economic growth using data from state of Sabah, Malaysia for the period of 1987 to 2008. Unlike most of study before which is focuses on national and international level, this study is focusing on the state level which is Sabah, one of the growing states in Malaysia. ARDL technique co-integration suggested by Pesaran et al. (2001) found evidence long run co-integration between Aggregate and Disaggregate Government Expenditure and Economic Growth with exception to Operational Chief Minister Department Disaggregate Expenditure. Granger causality test found bi-directional causality between Government Aggregate and five (5) Disaggregates Expenditure, and Economic Growth. Unidirectional causality flows from Economic Growth to Development and Operational Disaggregate Expenditures which is consistent to Wagner Law. Unidirectional flows from Chief Department Operational Disaggregate Expenditure to Economic Growth which is consistent to Keynesian. There is no causal causality between Economic Growth and District Administration and Treasury General Services. Empirical evidence reveals that government expenditure is vital to promote Sabah economic growth. Hence, this study urged the state of Sabah to increase source of income for expenditure especially on productive component. The federal government urged to increase more allocation to the state of Sabah for development expenditure as well. The government must be emphasizing on improving basic infrastructure to accelerate Sabah economic transformation whereby focus on industrial, agriculture, tourism and logistic sectors.*



## KANDUNGAN


	Halaman
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PERAKUAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI GAMBARAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	Xii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Isu	2
1.3 Perbelanjaan Kerajaan dan Pertumbuhan Ekonomi	4
1.4 Pernyataan Masalah	6
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Skop Kajian	12
1.7 Kepentingan Hasil Kajian	16
1.8 Kesimpulan	19
<b>BAB 2: EKONOMI NEGERI SABAH</b>	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Keluaran Dalam Negeri Kasar	23
2.3 Import dan Eksport	33
2.4 Penduduk dan Gunatenaga	36
2.5 Hasil dan Perbelanjaan Kerajaan	40
2.6 Perbelanjaan Operasi dan Pembangunan	44
2.7 Sub Komponen Perbelanjaan Operasi	51
2.8 Sub Komponen Perbelanjaan Pembangunan	54
2.9 Hutang Malaysia	56
2.10 Bajet Negeri Sabah 2012	58
2.11 Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina East Asia Growth Area (BIMP-EAGA)	65
2.12 Koridor Pembangunan Sabah (SDC)	66
2.13 Model Ekonomi Baru (MEB)	69
2.14 Halangan dan Cabaran	71
2.15 Kesimpulan	77
<b>BAB 3: KAJIAN-KAJIAN LEPAS</b>	
3.1 Pengenalan	80
3.2 Teori Pertumbuhan Ekonomi	80
3.3 Perbelanjaan Kerajaan dan Pertumbuhan Ekonomi	84
3.4 Hukum Wagner	86
3.5 Pandangan Keynesian	87
3.6 Kajian-Kajian Lepas	89

3.7	Kesimpulan	109
<b>BAB 4: METODOLOGI</b>		
4.1	Pendahuluan	111
4.2	Teori Wagner dan Keynesian	111
4.3	Model Ujian Peacock Wisemen (1969)	112
4.4	Ujian Stationariti Augmented Dickey Fuller	115
4.5	Ujian Stationariti Phillip Perron	115
4.6	Ujian Persempadanan ARDL	116
4.7	Data kajian	119
4.8	Kesimpulan	120
<b>BAB 5: KEPUTUSAN KAJIAN</b>		
5.1	Pendahuluan	121
5.2	Data KDNK dan Perbelanjaan Kerajaan	121
5.3	Ujian Punca Unit	123
5.4	Ujian Kointegrasi dengan Kaedah Persempadanan ARDL	127
5.5	Ujian Sebab Penyebab Granger dengan Model Pembetulan Ralat (ECM)	130
5.6	Kesimpulan	135
<b>BAB 6: KESIMPULAN</b>		
6.1	Kesimpulan	139
6.2	Implikasi Dasar	151
6.2.1	Perbelanjaan Kerajaan Sebagai Asas Mengukuhkan Ekonomi	152
6.2.2	Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam Sebagai Asas Daya Tarikan	154
6.2.3	Infrastruktur Sebagai Rangka Asas Pembangunan Ekonomi	156
6.2.4	Perbelanjaan Kerajaan dan Pelaburan Swasta Diharmonikan	159
6.2.5	Produk Nilai Tinggi dan Perindustrian Sebagai Pemacu Utama	160
6.2.6	Perindustrian Sebagai Alat Pembasmian Kemiskinan	162
6.2.7	Transformasi Perkampungan Terpencil Kepada Perbandaran	164
6.2.8	Sumber Hasil Ditingkatkan, Halangan Ekonomi Disingkirkan	165
6.2.9	Sumber Semulajadi dan Keunikan Etnik Asas Identiti Ekonomi Masa Depan	170
6.3	Penutup	176
	Rujukan	177

## SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Insiden Kemiskinan Mengikut Negeri di Malaysia 1970-2009	13
Jadual 1.2	Insiden Kemiskinan Tegar Mengikut Negeri di Malaysia 1984-2009	14
Jadual 2.1	Kadar Pertumbuhan Purata KDNK Sabah 1970-2008 Pada Harga Semasa	23
Jadual 2.2	Pendapatan Per-Kapita Sabah dan Malaysia 1971-2008 (000) Pada Harga Semasa	25
Jadual 2.3	KDNK Sabah Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi 1971-2008 (RM Juta)	28
Jadual 2.4	KDNK Mengikut Negeri di Malaysia 2005-2008 Pada Harga Tetap 2000 (RM Juta)	32
Jadual 2.5	Imbangan Dagangan Sabah 1971-2010 (RM Juta)	34
Jadual 2.6	Penduduk Sabah dan Malaysia 1971-2009 (` 000)	37
Jadual 2.7	Peningkatan Penduduk Sabah dan Malaysia 1971-2010 (%)	37
Jadual 2.8	Pengangguran Tenaga Buruh Sabah 1982-2009 (` 000)	38
Jadual 2.9	Penduduk Bekerja Mengikut Industri Sabah 1982-2009 (` 000)	39
Jadual 2.10	Hasil dan Perbelanjaan Sabah 1971-2008 (RM Juta)	40
Jadual 2.11	Hasil dan Perbelanjaan Malaysia 1971-2008 (RM Juta)	43
Jadual 2.12	Perbelanjaan Sabah dan Malaysia 1971-2008 (RM Juta)	45
Jadual 2.13	Perbelanjaan Kerajaan negeri Sabah 1971-2008 (RM Juta)	46
Jadual 2.14	Perbelanjaan Kerajaan daripada KDNK Sabah dan Malaysia 1971-2008 (%)	49
Jadual 2.15	Perbelanjaan Operasi Mengikut Sektor Sabah 1971-2008 (RM Juta)	52
Jadual 2.16	Perbelanjaan Pembangunan Sabah 1971-2008 (RM Juta)	55
Jadual 2.17	Hutang Malaysia 1970-2010	57
Jadual 2.18	Anggaran Hasil Kerajaan Negeri Sabah 2011 dan 2012 (RM Juta)	58
Jadual 2.19	Anggaran Agihan Perbelanjaan Negeri Sabah 2011 dan 2012 (RM Juta)	61
Jadual 5.1	Keputusan Ujian Punca Unit Malaysia	125
Jadual 5.2	Keputusan Ujian Punca Unit Sabah	126
Jadual 5.3	Keputusan Ujian Kointegrasi Malaysia	128

Jadual 5.4	Keputusan Ujian Kointegrasi Sabah	129
Jadual 5.5	Keputusan Ujian Penyebab Granger Malaysia	131
Jadual 5.6	Keputusan Ujian Penyebab Granger Sabah	133



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI GAMBARAJAH

	Halaman	
Rajah 2.1	Peta Sabah	21
Rajah 2.2	KDNK Malaysia 1971-2008	25
Rajah 2.3	KDNK Sabah 1971-2009	26
Rajah 2.4	Pendapatan Per-Kapita Sabah dan Malaysia 1971-2008	27
Rajah 2.5	Sumbangan KDNK Mengikut Sektor Sabah 1971-2008	31
Rajah 2.6	Perbandingan KDNK Mengikut Negeri di Malaysia 2005-2008 (RM Juta)	33
Rajah 2.7	Imbangan Dagangan Sabah 1971-2010	36
Rajah 2.8	Hasil dan Perbelanjaan Sabah 1971-2008	41
Rajah 2.9	Perbelanjaan Kerajaan Negeri Sabah 1971-2008	48
Rajah 2.10	Perbelanjaan Malaysia 1971-2008	48
Rajah 2.11	Pembolehkan Fiskal per KDNK Sabah 1971-2008	51
Rajah 2.12	Pembolehkan Fiskal per KDNK Malaysia 1971-2008	51
Rajah 2.13	Perbelanjaan Sub Sektor Operasi per Perbelanjaan Operasi Sabah 1971-2008	54
Rajah 2.14	Perbelanjaan Sub Sektor Pembangunan Pertanian dan Infrastruktur per Perbelanjaan Pembangunan Sabah 1971-2008	55
Rajah 2.15	Hutang Malaysia 1980-2010	58
Rajah 2.16	Anggaran Hasil Negeri Sabah 2011	59
Rajah 2.17	Anggaran Hasil Negeri Sabah 2012	59
Rajah 2.18	Perbelanjaan Perbekalan Sabah 2011 dan 2012	62
Rajah 2.19	Perbelanjaan Pembangunan Sabah 2011 dan 2012	63
Rajah 5.1	KDNK dan Perbelanjaan Malaysia 1987-2008	122
Rajah 5.2	KDNK dan Perbelanjaan Sabah 1987-2008	123

## SENARAI SINGKATAN

<b>SEDIA</b>	Sabah Economic Development and Investment Authority
<b>SDC</b>	Sabah Development Corridor
<b>MEB</b>	Model Ekonomi Baru
<b>RGDP/KDNK</b>	Keluaran Dalam Negara Kasar
<b>REAS</b>	Perbelanjaan Agregat Sabah Benar
<b>RDEAS</b>	Perbelanjaan Disagregat Pembangunan Sabah Benar
<b>ROEAS</b>	Perbelanjaan Disagregat Operasi Sabah Benar
<b>RDAGRIS</b>	Perbelanjaan Disagregat Pembangunan Pertanian Sabah Benar
<b>RDINFS</b>	Perbelanjaan Disagregat Pembangunan Infrastruktur Sabah Benar
<b>ROAGRIS</b>	Perbelanjaan Disagregat Operasi Pertanian Sabah Benar
<b>ROCMDS</b>	Perbelanjaan Disagregat Operasi Pejabat Ketua Menteri Sabah Benar
<b>RODAS</b>	Perbelanjaan Disagregat Pentadbiran Daerah Sabah Benar
<b>ROPWS</b>	Perbelanjaan Disagregat Kerja Raya Sabah Benar
<b>ROPNHS</b>	Perbelanjaan Disagregat Pelabuhan dan Dermaga Sabah Benar
<b>ROTGSS</b>	Perbelanjaan Disagregat Perkhidmatan Am Perbendaharaan Sabah Benar
<b>JBOS</b>	Jumlah Belanja Operasi Sabah
<b>JBPS</b>	Jumlah Belanja Pembangunan Sabah
<b>JB</b>	Jumlah Belanja

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Kesan perbelanjaan kerajaan kepada pertumbuhan ekonomi telah mendapat perhatian yang meluas dan dikaji selidik di seluruh dunia secara ekstensif. Kajian yang dilakukan meliputi di peringkat negara dan merentasi negara-negara dunia. Dua teori utama yang menjadi asas kepada kajian ini ialah hukum Wagner dan Keynesian atau dalam istilah *endogeneous* dan *eksogeneous*. Bagi menguji kewujudan kedua-dua hukum tersebut, kaedah ujian statistik melalui pendekatan ekonometrik dari pelbagai kaedah regresi data digunakan. Hasil ujian yang dilakukan mendapati penemuan berbeza-beza walaupun tempat kajian adalah negara yang sama. Sebahagian mendapati kewujudan hukum Wagner dan sebahagian lagi Keynesian. Terdapat kajian yang menemui kesan hubungan dua hala dan sebahagian kajian lagi mendapati wujud hubungan negatif di antara kedua-dua pembolehubah tersebut.

Kajian ini dilakukan ke atas Malaysia, sebuah negara di Asia yang sedang pesat membangun. Beberapa kajian sebelum ini telah dilakukan ke atas negara ini. Walaubagaimanapun kaedah dan model ujian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah berbeza daripada sebelumnya. Seterusnya ujian di peringkat negeri akan dilakukan. Negeri Sabah dipilih sebagai fokus utama kajian ini untuk mengesan kewujudan hubungan perbelanjaan kerajaan dengan pertumbuhan ekonomi. Selanjutnya lapan sub komponen perbelanjaan kerajaan negeri turut diuji untuk memperhalusi kewujudan hubungan dinamis di antara kedua-dua pembolehubah di peringkat lebih khusus. Ujian yang dilakukan di peringkat negara dan negeri secara serentak menggunakan metodologi yang sama menjadikan kajian ini sangat menarik. Pertama ialah kerana ujian ke atas data secara serentak di kedua-dua peringkat negara dan negeri belum pernah dilakukan sebelum ini. Kedua, ialah kerana hasil ujian ini membolehkan perbandingan dibuat terhadap keberkesanan perbelanjaan kepada pertumbuhan ekonomi di peringkat negara dan negeri Sabah.

## 1.2 Isu

Isu utama dalam kajian ini ialah kesan perbelanjaan kerajaan kepada pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan kerajaan seringkali digunakan sebagai instrumen untuk merangsang ekonomi terutama ketika berlaku krisis kelembapan ekonomi. Dalam tindakan meningkatkan jumlah perbelanjaan, terdapat persoalan komposisi perbelanjaan kerajaan mana yang perlu dinaikkan atau dikurangkan agar dapat memberikan kesan tindakbalas dalam jumlah yang dikehendaki untuk menstabilkan semula ekonomi. Ia dikaitkan dengan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan kerajaan serta komponen-komponen perbelanjaan khusus bagi setiap jenis perbelanjaan tersebut.

Dalam kajian-kajian yang dilakukan oleh ahli ekonomi, perbelanjaan ini dibahagikan kepada perbelanjaan produktif dan perbelanjaan tidak produktif. Antara kajian awal dalam konteks ini ialah Landau (1983a, 1985b), Aschauer (1989) dan Barro (1990). Penemuan utama kajian-kajian ini ialah pertumbuhan output berhubungan negatif dengan perbelanjaan kerajaan. Aschauer dan Barro mendapati wujud hubungan positif di antara pelaburan kerajaan dengan pertumbuhan output. Antara perbelanjaan yang didapati dalam kategori produktif di sesetengah negara ialah perbelanjaan pendidikan dan keselamatan. Tang (2009) mendapati perbelanjaan pendidikan dan keselamatan berhubungan dua hala dengan pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Chandran *et. al* (2010) mendapati perbelanjaan pendidikan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Samudram (2009) mendapati perbelanjaan pentadbiran dan kesihatan adalah produktif dengan kesan dua hala dengan pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya Nurudeen dan Usman (2010) mendapati perbelanjaan pendidikan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi. Persoalannya ialah sama ada perbelanjaan tersebut produktif atau tidak produktif tidak sama antara satu negara dengan negara lain. Oleh itu, kajian perlu dilakukan untuk menentukan komponen perbelanjaan kerajaan yang produktif dan boleh dijadikan instrumen untuk merangsang ekonomi sesebuah negara semasa kemelesetan.

Selain itu, kajian terhadap perbelanjaan kerajaan menjurus kepada sama ada perbelanjaan tersebut bersifat *endogeneous* atau *exogeneous*. Dua teori



penting yang menjadi asas kepada persoalan ini ialah hukum Wagner dan pandangan Keynesian. Perbelanjaan yang bersifat *exogeneous* ialah Keynesian di mana perbelanjaan kerajaan memberikan kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya perbelanjaan bersifat *endogeneous* ialah hukum Wagner di mana pertumbuhan ekonomi memberi kesan kepada perbelanjaan kerajaan. Kedua-dua teori dapat tersebut dijelaskan dalam persamaan berikut:-

$$y = f(x) \dots\dots\dots (1)$$

Dalam persamaan ini diandaikan Y ialah pertumbuhan ekonomi (KDNK) manakala x ialah perbelanjaan kerajaan. Dalam persamaan 1, y ialah pembolehubah endogenous manakala x ialah pembolehubah eksogenous iaitu, menjelaskan pandangan Keynesian di mana perbelanjaan kerajaan (x) akan meningkat apabila pertumbuhan ekonomi (y) meningkat.

$$x = f(y) \dots\dots\dots (2)$$

Sebaliknya dalam persamaan 2, x ialah pembolehubah endogenous, y ialah pembolehubah eksogenous iaitu, menjelaskan hukum Wagner di mana pertumbuhan ekonomi (y) akan meningkat apabila perbelanjaan kerajaan (x) meningkat.

Antara penemuan kajian yang konsisten dengan Keynesian ialah Ergun dan Tuck (2006), Louis *et al.* (2008), Chimobi, O.P. (2009), Hirmissa (2008), Alexiou (2009) dan Chandran *et al.* (2010). Manakala kajian yang memihak kepada hukum Wagner antaranya ialah Kolluri *et al.* (2000), Tang (2001), Al Faris (2002), Karim dan Mokhtar (2005) dan Bernadin *et al.* (2006). Terdapat penemuan mendapati perbelanjaan kerajaan bersifat hubungan dua hala dengan pertumbuhan ekonomi seperti penemuan Bishwal (1999), Ferda (2003), Lozides dan Vernvoukas (2005), Wu *et al.* (2010) dan Magazzino (2010). Hasil ujian yang tidak menyebelahi mana-mana teori antaranya disebabkan oleh faktor kelemahan kaedah di mana regresi data secara tradisional mengandaikan data adalah pegun sehingga menghasilkan penemuan yang tidak tepat (Afzal dan Abbas, 2009). Kaedah ujian ekonometrik

moden melakukan ujian kepegunaan terhadap data terlebih dahulu sebelum regresi bagi mengelakkan hasil ujian regresi palsu. Sementara itu, terdapat juga perbelanjaan kerajaan yang mempunyai hubungan negatif dengan pertumbuhan ekonomi seperti penemuan Landau (1985), Gwartney (1998), Scaltegger dan Torgler (2006) dan, Nurudeen dan Usman (2010). Peningkatan perbelanjaan kerajaan akan menyebabkan kelembapan pertumbuhan ekonomi yang disebabkan oleh peningkatan cukai yang tidak menggalakkan individu bekerja keras menyebabkan pengurangan dalam permintaan. Selain itu, peminjaman kerajaan dari bank menyebabkan berlakunya asakan keluar pelaburan swasta akibat kemerosotan dana pinjaman. Malahan terdapat keadaan di mana bagi tujuan kekal berkuasa, ahli politik cenderung meningkatkan perbelanjaan dalam komponen tidak produktif (Nurudeen dan Usman, 2010).

Kajian terhadap kesan perbelanjaan kerajaan kepada pertumbuhan ekonomi mendapat perhatian meluas di kalangan pakar-pakar ekonomi dunia. Ini kerana pertumbuhan ekonomi adalah ukuran yang mudah digunakan sebagai gambaran kepada prestasi ekonomi sesebuah negara. Seterusnya pendapatan per-kapita yang diperolehi dengan cara membahagikan KDNK dengan penduduk dapat memberikan gambaran kepada perkembangan taraf hidup penduduk di sesebuah negara. Kajian terhadap hukum Wagner dan Keynesian masih relevan. Sehingga ke hari ini, para pengkaji ekonomi menguji kedua-dua teori menggunakan kaedah ekonometrik bagi data siri masa sebuah negara dan merentasi sekumpulan negara. Ujian bagi data sebuah negeri sangat jarang dilakukan demikian juga ujian ke atas sub komponen perbelanjaan kerajaan. Oleh itu kajian ini merupakan pengembangan kepada pendekatan menguji semua jenis perbelanjaan kerajaan kerana dinamisannya semakin meluas dan tidak terhad hanya kepada perbelanjaan pendidikan dan kesihatan sahaja.

### **1.3 Perbelanjaan Kerajaan dan Pertumbuhan Ekonomi**

Pada awal peradaban manusia, ekonomi ditentukan sepenuhnya oleh permintaan dan penawaran pasaran terbuka. Pengagihan sumber-sumber berlaku mengikut kehendak pasaran. Namun kelemahan pasaran menyebabkan timbul campurtangan kerajaan bagi memastikan aktiviti ekonomi berjalan dengan lancar. Campurtangan

kerajaan sebenarnya tidak diperlukan sekiranya pasaran dapat menentukan pengagihan sumber-sumber mengikut keperluan sosial, tetapi ini tidak berlaku dalam semua aktiviti ekonomi. Oleh itu, campurtangan kerajaan diperlukan untuk membetulkan kegagalan pasaran. Perbelanjaan kerajaan diperlukan untuk menstabilkan pasaran selain mengagihkan semula sumber-sumber kekayaan kepada rakyat secara adil dan saksama.

Pertumbuhan ekonomi adalah kayu ukur yang amat penting sebagai petunjuk kepada kemakmuran ekonomi. Ahli-ahli ekonomi klasik seperti Smith, Ricardo, Mark dan Maltus amat menekankan kepada kepentingan pertumbuhan ekonomi. Mereka menekankan kepada fungsi tabungan-pelaburan sebagai faktor utama merangsang pertumbuhan ekonomi. Bagi mengelakkan penyerongan pembentukan modal, pelaburan awam dibiayai melalui hutang, iaitu, pemindahan dari tabungan swasta kepada modal awam. Bebanan perbelanjaan awam akan berlaku dalam satu tempoh masa tertentu dan akan dibayar menggunakan hasil cukai. Model Solow menunjukkan bagaimana tabungan, kejatuhan dan pertumbuhan penduduk menentukan pengekal pertumbuhan ekonomi.

Pakar ekonomi berpendapat bahawa, peranan kerajaan adalah amat penting dalam proses pembangunan ekonomi. Saiz kerajaan yang besar akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi kerana peranannya dalam menyeimbangkan konflik di antara kepentingan swasta dengan kepentingan sosial dan ia dapat menjamin peningkatan pelaburan produktif dan menyediakan keadaan optima sosial untuk pertumbuhan ekonomi. Teori Keynes (1936) menyatakan kepentingan peranan kerajaan dalam melicinkan pusingan aliran perniagaan berikutan kejayaan kerajaan dalam mengawal ekonomi semasa perang dunia ke-2. Pemikiran Keynes berpendapat perbelanjaan kerajaan merangsang pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, perbelanjaan kerajaan merupakan tekanan luaran yang akan meningkatkan output agregat.

Perbelanjaan kerajaan adalah merujuk kepada nilai barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh pihak kerajaan. Terdapat beberapa peranan penting perbelanjaan kerajaan. Perbelanjaan kerajaan yang berkesan akan meningkatkan

permintaan di pasaran melalui permintaan kepada barangan dan perkhidmatan yang diperlukan untuk tujuan menyiapkan kemudahan asas. Perbelanjaan kerajaan juga berfungsi sebagai dorongan kepada keseimbangan ekonomi, pusingan perniagaan dan pertumbuhan. Dalam kerajaan berbentuk demokrasi, perbelanjaan kerajaan merupakan hasrat rakyat yang diuruskan oleh parti politik dan institusi kerajaan. Perbelanjaan awan tertakluk kepada kepatuhan undang-undang yang diterjemahkan berasaskan kepada kehendak majoriti rakyat.

Menurut Jones (2002), pertumbuhan ekonomi bermaksud peningkatan dalam KDNK dalam satu tempoh masa. KDNK bermaksud jumlah nilai pasaran keseluruhan barangan dan perkhidmatan terakhir yang dikeluarkan dalam sesebuah negara pada masa tertentu yang lazimnya dalam tahun kalendar. Ia juga mengambil kira jumlah nilai yang dicampur pada setiap peringkat pengeluaran untuk barangan dan perkhidmatan terakhir yang dihasilkan dalam sesebuah negara pada masa tertentu, dan diberi dalam nilai wang. Pertumbuhan ekonomi merupakan kayu ukur yang digunakan untuk menilai prestasi ekonomi sesebuah negara. Tingkat kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi mencerminkan kejayaan sesebuah negara menggunakan sumber-sumber dengan cekap untuk menghasilkan lebih banyak barangan dan perkhidmatan.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi berikutan langkah kerajaan membangunkan sektor perindustrian pada tahun 1980-an. Langkah ini adalah seiring dengan dasar kerajaan mencontohi negara maju Asia seperti Jepun melalui Dasar Pandang Ke Timur. Dasar perindustrian negara telah membawa masuk pelaburan langsung asing yang menjadi enjin pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Namun, kadar pertumbuhan ekonomi negara telah melalui proses penurunan. Kadar pertumbuhan KDNK negara menurun daripada 9.2% (1991-1997) kepada 4.3% (2001-2009). China kekal teguh pada paras 10.1% dan Vietnam dan India masing-masing mencatat 7.3% dan 7.2% dalam tempoh 2001-2009 (MEB, 2010:67). Penurunan kadar pertumbuhan ekonomi negara ini adalah satu fenomena yang sangat membimbangkan.

Tren perbelanjaan Malaysia menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Pada tahun 1971, jumlah perbelanjaan negara ialah kira-kira RM3.2 bilion meningkat kepada RM21.2 bilion (1980), RM35.7 bilion (1990) seterusnya RM84.4 bilion (2000) dan melonjak kepada RM197.2 bilion (2008). Jumlah anggaran bajet bagi tahun 2012 ialah RM232.8 bilion. Malaysia mengamalkan belanjawan defisit yang semakin besar untuk merangsang ekonomi bagi menyerap kesan kelembapan ekonomi dunia. Sehubungan itu, jumlah hutang negara meningkat daripada RM95 bilion (1990) kepada RM268 bilion (2000) seterusnya meningkat dua kali ganda kepada RM522 bilion (2008). Nisbah perbelanjaan kerajaan dengan keluaran negara kasar (KDNK) mengalami peningkatan daripada 25.1% (1971), 30% (1990) berkurangan kepada 24.6% (2005), dan meningkat semula kepada 37.3% (2008). Tren ini menunjukkan peningkatan dalam KDNK adalah seiring dengan peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan. Hal ini cenderung menunjukkan kewujudan hukum Wagner dan Keynesian. Pihak kerajaan Malaysia berkecenderungan membiayai perbelanjaan negara melalui hutang khususnya hutang dalam negeri. Sehingga akhir Jun 2009, hutang negara berjumlah RM592 bilion hampir bersamaan dengan KDNK negara bagi tahun 2009 berjumlah kira-kira RM679 bilion. Perlu diingatkan peningkatan hutang dalam negara boleh meningkatkan kadar faedah seterusnya mengasak keluar pelaburan domestik swasta. Kesannya penawaran domestik akan berkurangan dan pertumbuhan ekonomi negara akan terjejas dalam jangka panjang.

Berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, Sabah masih jauh ketinggalan dari segi pertumbuhan ekonomi. Dalam tempoh 2005-2008, Sabah mencatat kadar pertumbuhan purata 15.2% di tangga ke-9 selepas Terengganu. KDNK negeri-negeri di tangga 1 hingga 8 tumbuh pada kadar purata 15.6-20.2% setahun. Walaupun berlaku peningkatan KDNK yang besar dalam tempoh 1971-2008 daripada RM741 juta kepada RM29 bilion, namun secara relatif angka ini jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan negeri maju lain seperti Selangor yang mencatatkan RM116 bilion dan negeri jiran Sarawak RM49 bilion bagi tahun 2008. Negeri Sabah terkenal sebagai pengeluar sumber alam seperti kayu balak dan hasil pertanian seperti kelapa sawit, getah dan koko. Pergantungan kepada sumber ekonomi asas ini menghadkan peningkatan dalam sumber pendapatan. Ketiadaan sumbangan

sektor industri kepada ekonomi yang antaranya berpunca daripada kekurangan infrastruktur asas menyebabkan Sabah sukar mengembangkan sektor industri.

Tren perbelanjaan kerajaan negeri Sabah mengalami peningkatan daripada RM281 juta (1971) kepada RM1.2 bilion (1979), RM1.8 bilion (1980), RM2.8 bilion (1990) menurun kepada RM1.9 bilion (2000) dan meningkat semula kepada RM4 bilion (2008). Dasar perbelanjaan kerajaan negeri mengalami defisit RM2 juta (1971), RM514 juta (1979), RM378 (1990), RM9 juta (2000) dan RM637 juta (2008). Nisbah perbelanjaan kerajaan dengan KDNK meningkat daripada 38% (1971) kepada 77% (1979) dan seterusnya mengecut kepada 56% (1980), 29% (1990), 16% (2000) dan 13% (2008). Penurunan ini bermakna jumlah KDNK lebih cepat meningkat berbanding peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan negeri. Ini adalah selari dengan hukum Wagner di mana peningkatan pertumbuhan ekonomi akan meningkatkan perbelanjaan kerajaan. Adalah jelas pihak kerajaan negeri sangat berhati-hati dalam memperuntukkan perbelanjaan tahunan.

Kemampuan perbelanjaan kerajaan negeri bergantung sepenuhnya kepada kemampuan perolehan hasil negeri dan sebahagian daripada sumbangan peruntukan kerajaan pusat. Secara purata dalam tempoh 1971-2008, perbelanjaan kerajaan negeri meningkat secara purata RM100 juta setahun. Angka ini sangat minima jika dilihat dari sudut keperluan untuk menyediakan kemudahan asas di serata negeri. Kesannya kepesatan ekonomi hanya dilihat berlaku di kawasan bandar-bandar utama yang mempunyai kemudahan asas mencukupi. Seperkara yang menarik ialah, dalam tempoh ini bilangan penduduk negeri Sabah meningkat dengan drastik daripada 698 ribu (1971) kepada 3.1 juta (2008) dan 3.2 juta (2010). Justeru pendapatan per-kapita penduduk meningkat secara perlahan daripada RM1,061 (1971) kepada RM9,524 (2008) berbanding Malaysia daripada RM1,161 (1971) kepada RM19,053 (2008). Oleh itu, adalah jelas peningkatan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah tidak sejajar dengan peningkatan bilangan penduduk. Kadar kemiskinan di negeri Sabah adalah tinggi. Contohnya dalam tahun 2008, Sabah mempunyai bilangan penduduk miskin seramai 153,737 orang daripada 203,000 orang miskin di Malaysia. Manakala bilangan penduduk miskin tegar di negeri ini ialah 628,032 orang daripada 1.1 juta orang miskin tegar di

Malaysia. Antara faktor yang menyumbang kepada kemiskinan di negeri ini ialah kekurangan infrastruktur asas, kekurangan pendidikan, kekurangan aktiviti ekonomi dan kedudukan penduduk yang tinggal berselerak di pedalaman.

Perbelanjaan kerajaan negeri Sabah didapati meningkat tetapi kurang daripada peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi. Dalam tempoh 1971 sehingga 2008, perbelanjaan kerajaan meningkat secara purata pada kadar 10% setahun, iaitu daripada RM281 juta kepada RM4 bilion. Manakala pertumbuhan KDNK meningkat secara purata sebanyak 12%, iaitu daripada RM721 juta kepada RM29 bilion. Ini bermakna, wujud kecenderungan pertumbuhan ekonomi dominan mempengaruhi perbelanjaan kerajaan yang cenderung kepada hukum Wagner. Jika perbelanjaan kerajaan tidak mempengaruhi pertumbuhan ekonomi maka, ia bukanlah satu dasar fiskal yang berkesan untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi *steady state*. Maka perbelanjaan kerajaan perlu ditentukan secara berhati-hati mengikut keperluan. Sebaliknya jika perbelanjaan kerajaan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi bermakna pihak kerajaan negeri Sabah seharusnya menjadikan instrumen perbelanjaan sebagai dasar fiskal semasa berlakunya kelembapan ekonomi. Seterusnya jika wujud hubungan penyebab dua hala maka, kedua-dua pembolehubah perbelanjaan dan pertumbuhan ekonomi adalah komponen penting yang menentukan kemakmuran ekonomi negeri Sabah. Dalam hal ini, perbelanjaan kerajaan negeri Sabah perlu memainkan peranan yang lebih penting untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negeri.

Kajian di Malaysia menerusi ujian data siri masa umumnya berjaya membuktikan bahawa, perbelanjaan kerajaan memberikan kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Terdapat kajian mendapati wujud hubungan sebab penyebab dari pertumbuhan ekonomi kepada perbelanjaan kerajaan seperti hasil kajian oleh Cheong (2001), Karim dan Mokhtar (2005), Samudram *et al.* (2009), Chandran *et al.* (2010) dan Asri *et. al* (2010). Sebaliknya terdapat penemuan mendapati perbelanjaan kerajaan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi seperti Dogan dan Tang (2006), Chandran *et. al* (2010) dan Asri *et. al* (2010). Terdapat juga kajian yang mendapati wujud hubungan penyebab dua hala di antara perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi dalam jangka pendek seperti

Cheong (2009). Manakala Sattar (1993) dan Sinha (1998) mendapati bahawa, tidak ada bukti menunjukkan bahawa, peningkatan perbelanjaan kerajaan menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi atau sebaliknya.

Hasil kajian di Malaysia menunjukkan tidak ada keputusan konklusif yang memihak hanya kepada hukum Wagner atau Keynesian. Ini adalah sama seperti hasil kajian yang dilakukan di negara-negara lain di dunia. Kajian yang menggunakan ujian data siri masa sebahagiannya mendapati wujud hukum Wagner seperti Kolluri *et al.* (2000) di negara-negara G7, Satish dan Rahul (2010) di India, Foul dan Al Khazali (2003) di Jordan, Chang *et al.* (2004) di negara-negara industri dan industri baru, Narayana *et. al* (2008) di Pulau Fiji dan Abustan di Sulawesi Selatan, Indonesia. Sebahagian lagi memihak kepada pandangan Keynesian seperti Liu *et al.* (2008) di Amerika Syarikat, Dogan dan Tang (2006) dan Hirmissa (2008) di ASEAN-5. Manakala sebahagian hasil kajian mendapati wujud hubungan penyebab dua hala seperti Albatel (2000) di Arab Saudi dan Heliciog (2003) di Turki. Sementara tidak wujud hubungan signifikan di antara perbelanjaan kerajaan dengan pertumbuhan ekonomi seperti kajian oleh Sattar (1993) di negara-negara industri baru seperti Singapura, Korea Selatan dan Hong Kong serta negara-negara maju Perancis, Kanada dan United Kingdom. Malahan ada kajian yang mendapati bahawa, perbelanjaan kerajaan memberikan kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti Landau (1985) di Amerika Syarikat dan Jepun, Gwartney (1998) di Amerika Syarikat, Arthur (2003) di New Zealand, Nurudeen dan Usman (2010) di Nigeria.

Dari segi rasionalnya, keberkesanan dasar fiskal di peringkat negara mencerminkan keberkesanannya di peringkat negeri. Walaubagaimanapun, keadaan ini mungkin boleh berlaku sebaliknya. Selain peruntukan pusat yang disalurkan kepada negeri pada setiap tahun, kerajaan negeri juga mempunyai dasar belanjawan tahunannya sendiri yang ditentukan oleh sumber hasil negeri masing-masing. Komposisi peruntukan yang disalurkan mengikut sektor adalah berbeza mengikut kepentingan sektor dan tujahan utama ekonomi negeri. Oleh itu, kajian di peringkat negeri perlu dilakukan untuk melihat hubungan kointegrasi di antara perbelanjaan kerajaan dan komponen-komponennya dengan pertumbuhan